

02 NOV 1996

Cuepacs - Persyarikatan

CUEPACS MINTA DASAR JELAS JADI RAKAN KONGSI

KUALA LUMPUR, 2 Nov (Bernama) -- CUEPACS meminta garis panduan yang jelas sebagai rakan kongsi yang bijak dalam pelaksanaan dasar Persyarikatan Malaysia, kata Timbalan Setiausaha agungnya Haji Abdul Rahman Manan.

"CUEPACS menyokong penuh dasar itu, tetapi masih kabur dengan cara anggota kesatuan yang mewakili kakitangan awam dapat membantu dalam usaha murni itu", katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Abdul Rahman diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini bahawa konsep Persyarikatan Malaysia menjadi lengkap dan lebih sempurna apabila ada kerjasama daripada kerajaan, swasta dan kakitangan awam bersama kesatuannya.

Mengenai peranan yang boleh dimainkan oleh kesatuan sekerja bagi membantu menjayakan konsep itu, kerajaan perlu mengeluarkan pekeliling khusus mengandungi garis panduan mengenai perkara itu.

Katanya pekeliling sekarang cuma menyebut tentang penglibatan kakitangan secara individu dalam dasar Persyarikatan Malaysia pekeliling kemajuan pentadbiran awam.

Beliau berkata pembabitan kesatuan sekerja dalam dasar persyarikatan ialah antara perkara yang dibincangkan dalam pertemuan pemimpin CUEPACS dengan Perdana Menteri Selasa lepas.

Abdul Rahman menyambut baik langkah kerajaan untuk membawa para pemimpin CUEPACS dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTC) menyertai misi pelaburan kerajaan ke seberang laut.

Sementara itu, beliau berkata CUEPACS masih menunggu borang laporan penilaian prestasi kakitangan awam 1996 (untuk penilaian tahun depan) yang sepatutnya diedarkan kepada kakitangan awam pada minggu ketiga bulan Oktober setiap tahun.

Katanya borang itu sepatutnya dikembalikan oleh kakitangan kepada penilai pada bulan November setiap tahun.

Abdul Rahman berkata, beliau difahamkan bahawa borang itu kini berada di peringkat akhir bahagian percetakan dengan memasukkan sedikit butiran tambahan.

Beliau berharap Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dapat menunjukkan dahulu borang itu kepada CUEPACS sebelum diedarkan bagi membolehkannya menerangkan kepada anggota mengenai bentuk butiran tambahan dalam borang berkenaan. -- BERNAMA

HT FAZ